

29/09/2000

Penulis tanah air diiktiraf

MALAM kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Balai Seni Lukis Negara, yang menjadi satu lagi lambang kemegahan negara terutama dalam meningkatkan darjat pelukis tanah air. Ia juga menandakan pengiktirafan kerajaan kepada pelukis tanah air yang turut sama mencorakkan hala tuju negara menerusi karya mereka yang dikagumi. Cuma, tidak ramai antara mereka yang dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pelukis luar negara yang mempunyai nilai karya yang begitu tinggi. Mungkin, disebabkan kurang prasarana untuk menonjolkan diri, segala cita-cita mereka tidak dapat dilaksanakan. Dengan adanya Balai Seni Lukis yang baru ini, diharapkan semangat mereka terus membara dan mampu meletakkan diri sebaris dengan pelukis ternama dunia.

Sebagai pelukis, mereka seharusnya melihat kewujudan balai itu sebagai satu perkembangan positif kerana dalam mengejar kemajuan sekali pun, kerajaan memberi perhatian yang begitu besar terhadap kemajuan seni dan budaya. Apa yang diharapkan mereka dapat memanfaatkan kewujudan balai itu dengan kegiatan yang dapat memperkenalkan negara dan budaya Malaysia di mata dunia. Bagi pihak pengurusan pula, balai itu perlulah dibuka seluas-luasnya kepada pelukis tanah air. Jangan ada sekatan yang bukan-bukan hingga boleh membantutkan semangat pelukis negara.

(END)